Publication: Berita Harian, pg 15

Date: 7 July 2022

Headline: Para-swimmers win two both SDSA awards

## Renang-para bolot kededua anugerah utama SDSA



►ZULAIQAH ABDUL RAHIM zulabr@sph.com.sg

SUKAN renang-para muncul sebagai pemenang besar di Majlis Anugerah Sukan Kurang Upaya Singapura (SDSA) tahun ini, sele-pas membolot lima daripada 10 kategori anugerah yang dipertand-ipakan

kategori anugerah yang dipertandingkan.

Dalam satu acara penyampaian anugerah di Hotel ParkRoyal @ Beach Road malam tadi — yang diadakan secara fizikal buat sejak Covid-19 melanda pada 2019 — perenang Yip Pin Xiu, yang merangkul dua pingat emas di Sukan Paralimpik Tokyo 2020 tahun lalu, dinobat Atlet Wanita Terhaik SDSA 2022. Terbaik SDSA 2022.

Ini merupakan kemenangan hatrik bagi Yip, 30 tahun, dalam kategori itu sejak majlis anugerah tersebut kembali dianjurkan pada

2019.
Jurulatihnya, Mark Chay, turut diiktiraf sebagai Jurulatih Terbaik (Persembahan Tahap Tinggi) buat kali kedua – pencapaian hebat bagi presiden Persatuan Renang Singapura yang baru dilantik itu gapura yang baru dilantik itu. Chay, 40 tahun, hanya melibat-

kan diri dalam sukan renang-para

tiga tahun lalu.

Perenang Toh Wei Soong, 23
tahun, yang mendapat tempat keempat di Sukan Paralimpik Tokyo, menggondol anugerah Atlet Lelaki Terbaik sulungnya se-malam, setelah dua tahun berturut-turut dinobat Atlet Muda Lela-

ki Terbaik pada 2019 dan 2020.
Colin Soon, 17 tahun, yang cemerlang dalam Sukan Para Belia
Asia 2021, membawa pulang anugerah pertamanya, Atlet Muda Lelaki Terbaik, manakala juru latihnya, Roland Tan, disampaikan anugerah Jurulatih Terbaik (Pembangunan), Anugerah Atlet Muda Wanita

Anugerah Atter Muda wanna Terbaik pula dirangkul pelari pecut Siti Nurhayati Ali Aksar Khan, 20 tahun, yang mengatasi peristiwa duka – beliau kehilan-gan bapanya sebelum acara bermula – untuk meraih pingat perak di Sukan Para Belia Asia tahun la-

Majlis anugerah itu dianjurkan Majlis Sukan Kurang Upaya Sin-gapura (SDSC) dan disokong Haw Par Corporation, yang untuk tahun kelapannya, memperjuang-kan atlet kurang upaya di sini.

Syarikat itu turut menyampai-kan cek bernilai \$120,000 kepada presiden SDSC, Dr Teo-Koh Sock Miang, bagi menyokong pemban-gunan atlet-atlet sukan-para.



CEMERLANG DI KOLAM RENANG: Yip (kiri) dinobat Atlet Wanita Terbaik di Majlis Anugerah Sukan Kurang Upaya Singapura 2022 semalam, manakala rakan perenang Toh (kanan) merangkul Atlet Lelaki Terbaik. – Foto-foto SPORT SINGAPORE, SDSC